

UMP tawar lima kursus baru

SH (Kuantan)
Rabu 27/10/08
pg: P5

Sasar pendaftaran seramai 270 penuntut bagi pengambilan sulung kursus tersebut dengan kemasukan pertama pelajar bagi dua fakulti baru.

■ MOHD RIDZUAN
— ABU HASSAN

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang menawarkan lima kursus baru untuk kemasukan sesi akademik 2008/2009 bagi menjadikan UMP sebagai pusat pembelajaran dalam melahirkan graduan tahap tinggi yang berpendidikan dan mempunyai nilai insaniah.

Lima kursus tersebut ialah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan, Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Kimia Industri, Sarjana Muda pengurusan Projek (Kepujian), Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri (Kepujian) dan Sarjana Muda Keselamatan

dan Kesihatan Pekerjaan (Kepujian).

Pegawai Perhubungan Awam dan Media UMP, Nadzariah Mohamed, berkata UMP mensasarkan pendaftaran seramai 270 penuntut bagi pengambilan sulung kursus tersebut dengan kemasukan pertama pelajar bagi dua fakulti baru iaitu Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Pengurusan Teknologi dan Fakulti Sains & Teknologi Industri.

→ "Peratusan pengambilan penuntut lelaki dan perempuan pada tahun ini seimbang adalah lebih seimbang berbanding peratusan 50.15 peratus lelaki manakala 49.85 perempuan tahun sebelumnya," katanya melalui salinan faks yang di hantar kepada Sinar Harian, semalam.

→ Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli mempunyai bilangan penuntut seramai 390 orang, diikuti Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dengan 360, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik seramai

340, Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian 340 dan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam seramai 330 orang.

— Semua penuntut baru di tempatkan di Kompleks 15 Blok Kediaman Pelajar di sini dan akan mengikuti Minggu Induksi Siswa (MINDS) yang berlangsung selama lima hari mulai hari ini sehingga 5 Julai.

Antara aktiviti yang disusun UMP bagi meraikan kedatangan penuntut baru ini adalah Majlis Pemimpin Bersama Mahasiswa, Forum Tokoh Kejuruteraan, dan beberapa siri taklimat lain.

"Ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pelajar-pelajar tersebut supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran dan kehidupan sebagai seorang pelajar di sebuah universiti," katanya.



Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim menerima penyerahan tugas daripada pemangku Naib Canselor, Profesor Dr. Sabarudin Mohd. Taib, baru-baru ini.